



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 8 Tahun 2014

GARIS PANDUAN BAGI KENAIKAN PANGKAT DENGAN GELARAN PROFESOR MADYA BAGI PENSYARAH GRED 54 (TANPA GELARAN PROFESOR MADYA)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai Garis Panduan bagi kenaikan pangkat dengan gelaran Profesor Madya Bagi Pensyarah Fakulti Perubatan, Pergigian dan Farmasi Gred 54 (Tanpa Gelaran Profesor Madya) di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke 140 pada 25 Mac 2014 telah meluluskan garis panduan bagi kenaikan pangkat dengan gelaran Profesor Madya Bagi Pensyarah Gred 54 (Tanpa Gelaran Profesor Madya) di Universiti Teknologi MARA.

3. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui surat KPT.S.500-6/10 Jld. 7 (8) bertarikh 29 Mac 2010 telah memaklumkan keputusan kerajaan mengenai pelaksanaan urusan kenaikan pangkat bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi berdasarkan laluan kerjaya di Kementerian Kesihatan Malaysia dipanjangkan kepada Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah Farmasi di Institusi Pengajian Awam (IPTA).

4. Keputusan ini adalah berdasarkan salinan surat JPA (S) NP 134/8/1 Klt (36) bertarikh 19 Mac 2009 berhubung dengan pelaksanaan laluan kerjaya di Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi.

5. Cadangan penerimaan pakai pemanjangan pelaksanaan urusan kenaikan pangkat ini telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan (JKK) melalui edaran pada 06 Januari 2011 dan mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang ke – 115 pada 18 Januari 2011. Walau bagaimanapun, bagi Pensyarah Fakulti Perubatan, Pergigian dan Farmasi yang telah memilih kenaikan pangkat secara laluan kerjaya, urusan kenaikan pangkat ke Gred 54 atau VK7 adalah tanpa gelaran.

6. Sehubungan itu, bersama ini dilampirkan perincian garis panduan mengikut Fakulti bagi kenaikan pangkat dengan gelaran sebagai panduan dan rujukan;

Lampiran 1 : Perincian Garis Panduan Bagi Kenaikan Pangkat Dengan Gelaran Profesor Madya Bagi Pensyarah Gred 54 (Tanpa Gelaran Profesor Madya)

TUJUAN PELAKSANAAN

7. Garis panduan ini digubal bertujuan untuk memberikan maklumat kepada Bahagian Pentadbiran dan staf akademik di Fakulti Perubatan, Pergigian dan Farmasi mengenai prosedur yang terlibat dalam proses kenaikan pangkat Pensyarah dengan gelaran Profesor Madya.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling ini dikeluarkan pada 21 Mei 2014

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 18 April 2013.


PROFESSOR DR. AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

Lampiran 1

PERINCIAN GARIS PANDUAN BAGI KENAIKAN PANGKAT DENGAN GELARAN PROFESOR Madya BAGI PENSYARAH GRED 54 (TANPA GELARAN PROFESOR Madya)

Fakulti Perubatan			Fakulti Pergigian		Fakulti Farmasi
Setuju gunapakai garis panduan sedia ada, dengan pindaan berikut:-					
1.1 Rumusan Pemarkahan					
Perkara	Klinikal	Pra-Klinikal	Kaedah Penilaian 1: Pengajaran dan Pembelajaran (Sedia Ada)	* Kaedah Penilaian 1: Pengajaran dan Pembelajaran (Cadangan)	
Tahap Penerbitan	<i>Consultant</i>	<i>Reviewer</i>			
Penerbitan	Menghasilkan tujuh (7) penerbitan (artikel dalam jurnal berwasit)	Menghasilkan sepuluh (10) penerbitan (artikel dalam jurnal berwasit)	50	70	
Penglibatan dalam penyelidikan	Menjadi Ketua Penyelidik (<i>Principal Investigator (PI)</i>)				
Penyeliaan Pelajar Pasca Sarjana Kepakaran	Mengajar Pasca Sarjana Kepakaran				
Tugasan Pentadbiran					
Keperibadian					
Lulus Penilaian Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Fakulti Perubatan			30	20	
	Inovasi/Pengkomersilan/Keusahawanan				
	5. Khidmat (Universiti/Masyarakat/		20	10	

Bagi memartabatkan keserjanaan Pensyarah-Pensyarah Farmasi yang dinaikkan pangkat Gred 54 (tanpa gelaran Profesor Madya) dan untuk memudahkan urusan kenaikan pangkat pensyarah yang terlibat untuk mendapatkan gelaran Profesor Madya, fakulti bersetuju mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA seperti yang sedia ada sekarang.

Pelajar)	
6. Sanjungan dan Anugerah Akademik	
7. Kepimpinan Akademik dan Kualiti Keperibadian	

1.2 Rumusan pemarkahan bagi kaedah Penyelidikan dan Kepimpinan Akademik tiada perubahan dengan garis panduan sedia ada.

1.3 Kaedah Penilaian 1:

Kaedah Penilaian 1: Pengajaran dan Pembelajaran (Sedia Ada)	* Kaedah Penilaian 1: Pengajaran dan Pembelajaran (Cadangan)
Kriteria Wajib: a) Telah menghasilkan sekurang-kurangnya <u>empat</u> (4) hasil akademik (artikel dalam jurnal berwasit yang dikenalpasti oleh Universiti/Fakulti atau buku oleh penerbit yang	Kriteria Wajib: a) Telah menghasilkan sekurang-kurangnya <u>tiga</u> (3) hasil akademik dalam bidang perigian yang berkaitan (artikel dalam jurnal berwasit

Fakulti Perubatan

Fakulti Pergigian

Fakulti Farmasi

diiktiraf oleh Universiti gred semasa)

yang dikenalpasti oleh Universiti/Fakulti atau buku oleh penerbit yang diiktiraf oleh Universiti dalam gred jawatan semasa)

* Perubahan adalah pada Kaedah Penilaian 1: Pengajaran dan Pembelajaran sahaja.